



PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

NOTIS SEBUTHARGA KERJA

(SEBUTHARGA PMINT : 130/2025)

CADANGAN MENAIKTARAF JALAN SEDIAADA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG TAMAN PELAGAT, MUKIM JERTEH, DAERAH BESUT, TERENGGANU

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) (**Berstatus Aktif**), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G1 (**Daerah Besut sahaja**) Kategori Pengkhususan CE 01 dan CE 21. Kebenaran Khas bagi pengkhususan kerja adalah **tidak dibenarkan**.
2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **25 Jun 2025 (Rabu) pada jam 11.00 pagi**. Pendaftaran dibuka bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Taklimat akan diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Besar, Tingkat 3, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu (Koordinat GPS : 5.330277, 103.1362)** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat ini.
3. Dokumen Sebutharga boleh didapati dari tarikh **25 Jun 2025 (Rabu) hingga 2 Julai 2025 (Rabu)** di Pejabat Bahagian Perancangan Dan Rekabentuk, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Tingkat 12, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu dengan menyertakan wang tunai/wang pos/wang kiriman pos/draf bank berharga RM50.00 yang dibuat atas nama **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**.
4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** PKK dan SPKK yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau PKK serta STB besertakan satu salinan perakuan sijil/perakuan tersebut.
5. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis di sudut atas kiri **Nama & Nombor Sebutharga** seperti di atas dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** di **Bilik Urusan Tender dan TTD, Tingkat 11, Menara PMINT** sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **7 Julai 2025 (Isnin)**.
6. **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Tandatangan
Nama : **KHALIZAN BIN MAHMUD**
Jawatan : **Pengurus Besar Pengurusan Teknikal J13**
Tarikh : **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**

18 JUN 2025